

PeopleACT

KEMPEN MENGGUBAL UNDANG-UNDANG TERHADAP GANGGUAN SIBER DAN LAIN-LAIN PERILAKU SIBER YANG BERBAHAYA

NOTA KONSEP

Nama Pakatan

People Against Cyber Threats/Harassment (PeopleACT)

Tajuk Kempen

Kempen Menggubal Undang-Undang Terhadap Gangguan Siber dan Lain-lain Perilaku Siber Yang Berbahaya

Konteks

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang semakin meningkat telah menjadi serampang dua mata - di satu sudut, ICT secara ketara telah meningkatkan akses kepada maklumat dan peluang dan menjadikan komunikasi lebih pantas dan mudah. Namun di sudut lain, ICT telah membawa akibat yang tidak menyenangkan – ianya telah digunakan sebagai alat untuk memudaratkan orang lain; mudarat di sini merujuk kepada komunikasi siber yang disalahgunakan, mengancam atau menggugat privasi pengguna lain.

Semakin banyak ancaman keganasan, rogol dan bunuh yang dilaporkan di Malaysia - sebagai contoh, seorang wanita muda (yang dirakam dalam video memukul kereta seorang warga emas selepas satu kemalangan kenderaan bermotor) mendapati nombor pendaftaran kereta dan data peribadinya didedahkan dan menjadi 'viral' dalam tempoh 24 jam; seorang penyampai radio menerima ancaman rogol dan bunuh (apabila beliau bertanya dalam video Youtube sama ada undang-undang hudud dapat menangani isu sosio-ekonomi di Kelantan); dan seorang lelaki muda menerima ribuan ancaman bunuh dan mesej kebencian yang lain bila beliau menganjurkan acara suai kenal bersama anjing. Masalah ini bukan eksklusif untuk Malaysia – menurut Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, 73 peratus wanita dan remaja perempuan telah didedahkan atau mengalami keganasan yang tertentu di atas talian. Dalam kebanyakan kes-kes tersebut, pesalah laku yang membuat ancaman siber jarang dipertanggungjawabkan dan peluang untuk mereka menyembunyikan identiti mereka di ruang siber menyukarkan lagi masalah ini.

Ancaman rogol, bunuh dan pendedahan data peribadi, informasi dan gambar boleh memberi tekanan emosi kepada mangsa dan kadangkala, kemusnahan yang dialami boleh menyebabkan trauma secara fizikal. Gejala ini secara langsung atau tidak langsung mengakibatkan kos kepada masyarakat dan ekonomi, – apabila ketenteraman jiwa dan keselamatan peribadi seseorang terancam, keperluan penjagaan kesihatan, perkhidmatan kehakiman dan sosial juga meningkat, justeru mengakibatkan peningkatan perbelanjaan walaupun produktiviti menurun.

Rasional Kempen

Kadar penggunaan internet oleh belia di Malaysia adalah keempat tertinggi di dunia, dan penggunaan ICT, termasuk Internet, akan terus berkembang dengan pesat, terutamanya dikalangan generasi muda. Oleh itu, amat penting ruang Internet dijadikan lebih memperkasakan dan selamat untuk generasi masa kini dan akan datang berdasarkan prinsip hormat-menghormati sesama pengguna.

Untuk memastikan matlamat ini tercapai, kerajaan, para penggubal undang-undang, industri ICT dan orang awam harus menuntut dan bertindak menentang keganasan yang dilakukan di ruang siber. Oleh kerana pada masa ini tiada undang-undang khusus untuk menangani gangguan siber dan lain-lain perilaku siber yang berbahaya di Malaysia, adalah perlu diwujudkan peruntukan undang-undang yang berkaitan (diikuti dengan usaha pemantauan untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan) untuk menangani masalah yang kian meningkat ini.

Penggubalan undang-undang sahaja tidak mencukupi – kesedaran orang ramai akan masalah ini harus ada untuk memastikan bahawa bukan sahaja perilaku siber yang berbahaya diketengahkan malah pengguna siber juga dapat mengawal diri untuk berkelakuan dengan cara penuh hormat bila menggunakan teknologi siber. Peningkatan kesedaran awam akan memastikan bahawa penggubalan undang-undang dapat memberi impak yang lebih meluas.

Matlamat Kempen

Mewujudkan persekitaran siber yang lebih selamat, penuh hormat dan ruang yang memperkasakan untuk semua, dengan mengurangkan ancaman siber dan lain-lain perilaku siber yang berbahaya melalui penggubalan undang-undang.

Objektif Kempen

- Menggubal undang-undang bagi menangani gangguan siber dan lain-lain perilaku siber yang berbahaya yang menggugat keselamatan peribadi dan privasi pengguna; dan
- Membawa isu gangguan siber dan lain-lain perilaku siber yang berbahaya ke agenda awam.

Strategi Kempen/ Senarai Aktiviti Projek

Untuk mencapai objektif di atas, PeopleACT akan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

Penggubalan Undang-Undang

- Menubuhkan jawatankuasa semua-parti untuk menerajui kempen ini;
- Mendokumentasikan aduan-aduan dan kes-kes yang berkaitan;
- Menjalankan penyelidikan undang-undang Malaysia dan antarabangsa mengenai perkara ini;
- Merangka rang undang-undang sama ada untuk meminda atau menggubal undang-undang baru dan berusaha untuk membentangkannya di Parlimen;
- Menjalankan konsultasi dengan peserta-peserta industri, agensi-agensi penguatkuasa dan penerima-penerima ancaman siber mengenai rang undang-undang tersebut; dan
- Memberi taklimat kepada organisasi-organisasi masyarakat sivil, agensi-agensi kerajaan dan ahli-ahli parlimen.

Meningkatkan kesedaran awam

- Mengadakan diskusi awam mengenai isu ini sekurang-kurangnya sebulan sekali;
- Menganjurkan mesyuarat dewan perbandaran di dua buah negeri setiap bulan, dengan penyertaan ahli-ahli Parlimen;
- Mengedarkan bahan-bahan maklumat, pendidikan dan komunikasi kepada orang ramai tentang perkara ini; dan
- Melibatkan diri dengan pihak media, ahli-ahli akademik dan tokoh-tokoh masyarakat.

Keputusan yang diharapkan

- Penubuhan rangka kerja perundangan yang dapat menangani gangguan siber dan lain-lain perilaku siber yang berbahaya yang menjejaskan keselamatan peribadi dan privasi pengguna;

- Meningkatkan sumber dan akses maklumat mengenai gangguan siber dan lain-lain perilaku siber yang berbahaya.

Latar belakang organisasi, termasuk kepakaran dan pengalaman

Pakatan PeopleACT terdiri daripada individu yang telah bekerja dalam bidang hak asasi manusia dan aktivisme selama lebih dari 20 tahun. Pakatan ini juga terdiri daripada aktivis belia yang bersemangat untuk menjadikan persekitaran siber yang lebih selamat dan ruang yang lebih terjamin untuk semua.

Urusetia PeopleACT adalah Pusat Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia Malaysia (MCCHR)

Hubungi

Mazni Ibrahim

MCCHR, A-3A-08, Pantai Business Park, Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur.

Tel.: +03-2201-1454

Emel: peopleact@mcchr.org